

21/09/2000

Switzerland bantu BPR siasat kes Perwaja

KUALA LUMPUR, Rabu - Pihak berkuasa Switzerland akan membantu Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam siasatan skandal syarikat Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) membabitkan pembayaran wang milik syarikat itu berjumlah RM76.4 juta yang dimasukkan ke dalam akaun bank di negara itu.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Husin, berkata pihaknya sedang berusaha menghantar pegawai ke Zurich, selepas mendapat `lampu hijau' daripada pihak berkuasa Switzerland nanti.

"Kita sedang berusaha mendapatkan kerjasama daripada Switzerland yang akan membantu membuat siasatan bagi pihak BPR," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan terkini siasatan BPR terhadap skandal Kumpulan Perwaja, syarikat besi waja yang menanggung beban hutang dan kerugian kira-kira RM10 bilion.

Khamis lalu, Ahmad Zaki berkata pihaknya berjaya mengesan wang milik syarikat itu berjumlah RM76.4 juta yang dimasukkan ke akaun sebuah syarikat asing berdaftar di British Virgin Island (BVI), selepas melalui proses pengeluaran dari Malaysia ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada rakyat Malaysia yang berada di luar negara tahu di mana sebenarnya wang milik Perwaja disimpan tetapi berkata sehingga kini kerajaan belum dapat lagi bertemu dengan mereka untuk mendapatkan maklumat berkenaan.

"Kita kena dapatkan maklumat tepat kerana bukan mudah untuk mendapatkan maklumat apabila wang dibawa keluar (dari Malaysia) dan disimpan di tempat tertentu (di luar negara)," kata Perdana Menteri sambil menegaskan kerajaan memberi kebebasan kepada BPR untuk meneruskan siasatan.

Bagaimanapun, Ahmad Zaki berkata pihaknya juga akan menjalankan siasatan lanjut berkaitan kenyataan yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir itu.

Sementara itu, Pengarah Siasatan BPR, Abdul Razak Idris berkata pihaknya belum membuat keputusan bila akan memanggil bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia untuk memberi keterangan lanjut terutama berhubung kenyataannya dalam sebuah akhbar Singapura baru-baru ini.

"Tidak semestinya kita akan memanggil Eric Chia ke pejabat BPR kerana kita juga boleh menemuinya di pejabat beliau. Kita harus ingat, beliau bukan orang bersalah (setakat ini)," katanya.

(END)